

## **Kelangsungan Tulisan Jawi Dalam Era Globalisasi: Satu Analisis**

Shuhairimi Abdullah

*Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan*

*Universiti Malaysia Perlis*

*Email: [shuhairimi@unimap.edu.my](mailto:shuhairimi@unimap.edu.my)*

**Abstrak:** Tulisan jawi adalah sebahagian daripada korpus warisan sejarah Melayu yang kaya dengan nilai seni dan ilmu. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu lebih luas pengaruhnya dan berperanan amat penting untuk merakamkan secara bertulis kekayaan sejarah dan warisan bangsa, begitu juga peranan pentingnya membolehkan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu. Justeru itu, kebolehan membaca dan menulis jawi juga mempunyai hubungan penting dengan penghayatan terhadap agama Islam. Ini kerana, al-Qu'ran, hadith Nabi, dan kitab-kitab utama agama Islam adalah di dalam jawi. Kegagalan dan kealpaan umat Islam untuk menguasai tulisan jawi dibimbangkan akan menjauhkan mereka dari sumber dan naskhah asal khazanah ilmu hasil karya ilmuwan Islam. Begitu juga yang berlaku dalam era globalisasi, didapati sistem tulisan jawi semakin terhakis dan diabaikan oleh generasi muda pada masa kini. Oleh yang demikian, kertas kerja ini cuba melihat bagaimana tulisan jawi dapat berfungsi dalam dunia digital maklumat bagi memastikan kelangsungannya sentiasa dapat bertahan dan memenuhi tuntutan semasa sebagai pusaka masyarakat Melayu yang agung. Analisis dilakukan dengan mengambilkira pandangan para sarjana dalam bidang berkaitan dan penulisan-penulisan ilmiah yang sedia ada. Kertas kerja ini mendapati tindakan mempertahankan tulisan jawi daripada pupus adalah satu perjuangan bangsa. Ini kerana, tindakan tersebut adalah sebahagian daripada khazanah bangsa yang wajib dikekalkan, diberi keutamaan dan dipertahankan selagi Melayu tidak hilang di dunia.

**Kata Kunci:** Tulisan Jawi, Warisan, Sejarah Melayu, Bahasa Melayu, Globalisasi

### **1. Pendahuluan**

Pemerhatian yang menyeluruh terhadap tulisan jawi sebagai sebahagian daripada perbendaharaan Melayu yang amat berharga adalah penting untuk menjamin kelangsungannya dalam dunia tanpa sempadan. Umum mengetahui bahawa tulisan Jawi adalah sebahagian daripada seni penulisan yang telah wujud berabad-abad lamanya di rantau ini. Kewujudan tulisan tulisan Jawi adalah berkait rapat dengan perkembangan ajaran Islam di Tanah Melayu. Sejajar dengan itu, penggunaan tulisan ini lebih menyerlah apabila tradisi intelektual sarwajagat Islam mula berkembang mekar dan keterbukaan masyarakat Melayu dalam menerima ilmu-ilmu pengetahuan melalui medium tulisan Jawi. Berkat daripada ajaran Islam, kemajuan intelektualisme umat Melayu telah mencapai zaman kegemilangannya dengan lahirnya pelbagai disiplin ilmu antaranya seperti ilmu kalam, mantik dan tasawuf.

Secara amnya, tulisan Jawi adalah antara tulisan terawal yang pernah ditemui. Bukti kewujudan tulisan ini di Malaysia adalah dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H atau 1303M manakala tulisan Rumi yang paling awal ditemui pada akhir kurun ke-19. Ini menunjukkan tulisan Jawi telah sampai ke negara ini lebih awal berbanding tulisan Rumi. Tulisan Jawi merupakan tulisan rasmi bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa penguasaan British. Kini tulisan ini digunakan dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu yang kebanyakannya di Kedah, Perlis Kelantan, dan Terengganu.

## 2. Sejarah Ringkas Tulisan Jawi di Tanah Melayu

Tulisan Jawi telah wujud ssekitar tahun 1300 M di Kepulauan Melayu. Perkembangannya sejajar dengan kemasukan ajaran Islam di tanah Melayu, khususnya daripada orang Parsi. Abjad Arab yang diperkenalkan ini disesuaikan dengan kaedah bahasa Melayu klasik. Umumnya, tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri dengan penambahan 6 huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu *capa*, *gangava* dan *nya* (Andrew Alexander Simpson, 2007).

Bunyi dan sebutan huruf tersebut mempengaruhi alat-alat artikulasi penduduk-penduduk yang berbeza daripada fonetik Arab. Kelaziman ini menyulitkan mereka untuk menyebut dan membunyikan kalimah Arab berdasarkan kaedah linguistik, khususnya dalam pembacaan al-Qur'an.

Walaupun sejak zaman awal penjajahan Barat, huruf Rumi diperkenalkan, tetapi penggunaannya amat sukar dalam meyebut dan membunyikan sesetengah perkataan Arab dengan tepat dan betul. Bagi mengatasi kesulitan itu, ulama-ulama dan mubaligh Islam, khususnya institusi pondok telah memperkenalkan huruf Jawi yang berasaskan huruf Arab campuran Parsi bagi memudahkan pembacaan al-Qur'an dan kitab-kitab agama.

*Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972):*

*"Kedatangan Islam telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu, mempunyai tambahan beberapa huruf istimewa bagi bahasa itu dari bahasa Parsi dan Barbar. Nampaknya tulisan Jawi inilah yang mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu".*

Ada di antara institusi pondok di Tanah Melayu menjadikan pengajian Jawi sebagai satu dari mata pelajaran dalam kurikulumnya dan ada pula yang semata-mata memberi penekanan pembelajarannya secara sampingan menerusi kitab-kitab Jawi dalam mata pelajaran Usuluddin, Fiqh, Tasawuf dan lain-lain di samping kitab Arab. Tindakan ini mempengaruhi perkembangan huruf Jawi dan penggunaannya dalam media perhubungan masyarakat. Realitinya, pada ketika itu segala urusan perhubungan sama ada dari segi pembacaan umum, maklumat bertulis, surat perjanjian arahan dan perintah adalah ditulis dengan menggunakan huruf Jawi.

Perkembangan tulisan Jawi telah memperkayakan perbendaharaan bahasa Melayu. Penerimaan masyarakat Melayu untuk menerimapai tulisan Arab kepada bahasa Melayu telah memberi nafas baru. Bahasa Melayu yang baru itu dikenali sebagai bahasa Melayu klasik. Berasaskan kepada sistem tulisan tersebut, bahasa Melayu telah berfungsi sebagai alat yang penting untuk diaplikasikan dalam dunia penulisan, undang-

undang dan pentadbiran. Dengan memberikan contoh, tokoh-tokoh terbilang yang lahir setelah kedatangan ajaran Islam antaranya seperti Shamsuddin al-Sumaterani, Hamzah Fansuri dan Syed Syeikh al-Hadi (Samri Sainuddin, 2003).

Ringkasnya dapat difahami bahawa tulisan Jawi pernah memahkotakan tamadun Melayu dan mendaulatkan ketuanan Melayu sejak dari zaman kesultanan Melaka sehinggalah pada era pra-kemerdekaan. Tulisan jawi mempunyai manifestasi yang cukup indah dalam sejarah peradaban bangsa Melayu yang berperanan sebagai asas interaksi intelektual Melayu dengan institusi masyarakat. Meskipun begitu, apabila tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan tulisan Jawi makin dimamah usia dan gagal untuk berfungsi seperti pada zaman kegemilangannya. Tulisan Jawi semakin dilupakan oleh generasi baru pada masa ini akibat proses globalisasi dan semakin lemah dengan dasar-dasar yang telah sedia ada. Akibatnya, ia telah mencetuskan satu stigma bahawa tulisan jawi tidak mencerminkan sebagai satu identiti yang tersendiri dan lebih malang lagi generasi baru masyarakat Melayu tidak lagi melihat sistem tulisan tersebut sebagai satu warisan yang perlu dihormati. Sebaliknya, ia merupakan khazanah silam yang semakin mengalami zaman malap dan akan terkubur jika sistem tulisan tersebut tidak diperkasakan semula. Sikap yang tidak bertanggungjawab dan tiada perasaaan sayang terhadap warisan bangsa mengakibatkan sistem tulisan jawi tidak lagi berdaya saing dan akan lenyap ditelan kemajuan zaman. Lebih memalukan lagi, apabila kebimbangan terhadap kepupusan tulisan jawi disuarakan oleh orang asing yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Menurut Prof Dr Kang Kyoung Seok, dari Pusan University of Foreign Studies, mula mengkaji tulisan jawi sejak 1974 dan menganggapnya sebagai satu keunikan milik Malaysia. Beliau berpendapat bahawa tulisan jawi sedang “tenat” dan jika keadaan itu berterusan, ia mungkin pupus satu hari nanti. Penegasan ini disuarakan seperti berikut:

*“Malaysia perlu mendidik generasi muda dalam tulisan jawi. Sekarang terlalu ramai pakar saya kenali sudah bersara tanpa ada pengganti. Bila pakar sudah tiada, siapa akan menerajui usaha pemeliharaan tulisan jawi nanti?”*

(<http://temanteras.wordpress.com/2012/01/29/pensyarah-korea-bimbang-tulisan-jawi-semakin-dilupakan/>.Capaian pada 20.3.2012)

### **3. Kaedah Memperkasakan Tulisan Jawi**

#### **I. Bidang Pendidikan**

Bahan pengajaran juga perlu diperbanyakkan misalnya buku-buku latihan yang berorientasikan pembelajaran sendiri dapat membantu perkembangan korpus bahasa melalui tulisan Jawi. Penggunaan bahan pengajaran dalam mata pelajaran tertentu menggunakan tulisan Jawi dalam darjah merupakan langkah yang perlu digalakkan di semua sekolah agar pembelajaran menjadi lebih menarik dan praktikal. Kementerian Pelajaran seharusnya mengambil inisiatif untuk mengembangkan penulisan Jawi melalui

peruntukan dalam jadual waktu persekolahan untuk pembelajaran. Kepentingan mempelajari tulisan Jawi samalah juga dengan kepentingan mempelajari Bahasa Melayu.

Tulisan Jawi aras tinggi juga perlu diperkenalkan di peringkat pengajian tinggi. Lazimnya, tulisan jawi hanya digunakan dalam disiplin yang khusus berkaitan bidang keagamaan sahaja. Persepsi yang beranggapan bahawa tulisan Jawi adalah berorientasikan penulisan yang relevan dalam disiplin keagamaan perlu dikikis ([http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/news.php?id=267847&cat=nt](http://www.bernama.com/bernama/state_news/news.php?id=267847&cat=nt). Capaian pada 20.3.2012). Ini kerana, tulisan jawi pada zaman kemuncaknya tidak sahaja disempitkan penggunaannya dalam bidang keagamaan bahkan merentasi pelbagai disiplin ilmu yang lain. Sekiranya ditelusuri jendela sejarah pemikiran intelektual umat Melayu mula mencapai tahap kematangan melalui sistem tulisan Jawi dan bukannya melalui tulisan sanskrit. Sebagai bukti, lahirnya tokoh-tokoh ulung seperti Syeikh Daud Fatani, Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis), Baba Muhammad Shafie Abdullah Legih dan pelbagai lagi (Muhammad `Uthman El-Muhammady, 2010).

Tulisan jawi boleh dicadangkan sebagai subjek wajib universiti seperti subjek-subjek lain seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia, hubungan etnik dan sebagainya. Jika ada kesungguhan daripada pihak pembuat dasar, hasrat untuk menghidupkan semula penulisan jawi di peringkat pengajian boleh dilakukan. Penulisan jawi boleh diberi nafas baru bersesuaian dengan teknologi digital pada masa kini dengan penambahkain dari sudut teknik menggunakan teknologi maklumat. Sebagai contoh, inisiatif mewujudkan sesawang Jawi.net merupakan satu usaha murni dan terpuji. Ia merupakan satu teknik inovasi untuk meningkatkan kelestarian penggunaan tulisan jawi supaya sesuai dengan realiti semasa masyarakat pada masa kini.

Pameran seni khat juga seharusnya diperbanyakkan dan pelajar di peringkat rendah dan pengajian tinggi digalakkan mengunjungi pameran sedemikian supaya mendapat pendedahan yang sewajarnya tentang khazanah Melayu yang kian dilupakan ini. Bengkel tentang penulisan Jawi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dapat mempertingkatkan lagi kesedaran mempertahankan tulisan Jawi sebagai alat pengembangan ilmu. Di samping itu, kemudahan bahan pengajaran, guru yang berpengalaman perlu dilahirkan untuk memenuhi keperluan pengajaran. Latihan dapat meningkatkan kaedah pengajaran yang lebih berkesan.

Justeru, jika ada pelajaccenderung individu yang berminat menjadi pakar bahasa, ia memerlukan kepada kajian kajian yang menyeluruh dan diteroka keistimewaan sistem tulisan Jawi. Keperluan terhadap kajian tersebut adalah penting demi masa depan negara yang memerlukan golongan ini sebagai legasi yang meneruskan kesinambungan kepada generasi yang sebelumnya. Pada masa sama, penerbitan buku dalam versi Jawi mestilah dipelbagaikan dengan memberi galakan atau insentif. Sudah sampai masanya masyarakat menyemarakkan tulisan ini sebagai satu bukti terunggul kewujudan tamadun Melayu suatu ketika dulu.

## II. Melalui Media

Media massa juga boleh memainkan peranan seperti memasukan berita, iklan atau papan tanda dalam tulisan ini. Apabila semua pihak semakin yakin tentang kepentingannya, usaha memartabatkan tulisan ini mudah direalisasikan sekali gus memperluaskan pengaruh atau keyakinannya. Pada masa sama, aktiviti menguasai ejaan

ini perlu diperkukuhkan dalam kalangan generasi muda. Sebagai contoh, mengadakan pelbagai sayembara serta kursus umum di sekolah rendah dan menengah. Percambahan minat terhadap golongan ini jika dijana sejak awal mampu membentuk keseimbangan dalam pelbagai aspek sekali gus mencapai kejayaan pada masa depan.

Media massa yang banyak menggunakan jalur teknologi tinggi yang menjadi pilihan masyarakat umum perlu digunakan secara optimum oleh pegggiat tulisan jawi dengan memanfaatkan apa sahaja media baharu dalam menyampaikan maklumat kepada umum. Secara tidak langsung, melalui sokongan yang bersepadu media massa terhadap penggiat tulisan jawi ia akan membantu menyerlahkan potensi bakat yang sedia ada dan dalam masa yang sama akan melazimkan masyarakat awam dengan penggunaan tulisan jawi secara maya. Usaha ini sedikit-sebanyak dapat mempopularkan tulisan jawi di mata masyarakat.

Dalam pada itu, semua agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh membantu mengembalikan memartabatkan tulisan Jawi. Bahkan ia pernah dicadangkan supaya tulisan Jawi diiktiraf sebagai tulisan rasmi di kepala surat agensi masing-masing. Begitu juga dengan pihak PBT yang wajar menggunakan tulisan Jawi di papan-papan tanda dan papan iklan untuk paparan umum. Selain itu, pihak media elektronik seperti RTM, Media Prima dan Astro menyediakan satu slot pembelajaran Jawi yang boleh dibuat dengan kerjasama JAKIM bagi menonjolkan keistimewaan tulisan Jawi kepada generasi pada masa kini.

### **III. Cabaran Semasa**

Cabaran semasa tulisan Jawi adalah berkait rapat dengan cabaran globalisasi. Dunia tanpa sempada ataupun dikenali sebagai globalisasi merupakan satu kuasa baru selepas tahun 1990-an. Kuasa baru yang sinonim dengan pasaran bebas yang menjanjikan kepada keuntungan dari sudut ekonomi dan kemodenan sesuatu masyarakat. Namun kemodenan menurut kerangka globalisasi tidak semestinya membawa impak yang positif kepada sesebuah masyarakat. Akibatnya, nilai-nilai tradisi yang didukung oleh generasi silam tidak lagi dilihat sebagai acuan yang ampun yang perlu dipertahankan. Sebaliknya nilai-nilai baru yang masuk melalui jendela globalisasi mudah memperdayakan masyarakat dan melumpuhkan sistem pertahanan jati diri dan pegangan yang diagungkan sebelum ini.

Pandangan masyarakat sudah bertukar kiblatnya kepada budaya Barat tanpa disaring lagi. Akibatnya, asimilasi yang keterlaluan ini berpotensi untuk merosakkan sistem bahasa yang menjadi warisan nenek moyang silam. Perlu diingatkan bahawa, tulisan jawi yang dicipta oleh generasi silam pernah berfungsi sebagai pengungkap peradaban dan menjadi cermin kepada wajah kehidupan budaya dan warisan. Malah sisten tulisan Jawi mempunyai kekuatan sendiri dan relatif sifat. Justeru, meskipun generasi pada masa kini mengalami perubahan tempat dan zaman, namun ia bukanlah faktor yang boleh membunuh dan melumpukan fungsi tulisan jawi sebagai bahasa ilmu yang telah diiktiraf oleh generasi terdahulu. Sudah tiba masanya, untuk memartabatkan tulisan jawi ini dengan menggerak dan melibatkan ramai penulis dalam kalangan profesional dan korporat untuk mengguna tulisan tersebut dalam karya-karya yang dihasilkan tetapi juga turut memberi sumbangan dana bagi membantu pengembangan tulisan tersebut.

#### 4. Kesimpulan

Usaha untuk menyuburkan tulisan jawi bukanlah satu usaha yang mudah dan kerja satu pihak tertentu sahaja. Adunan kerjasama di pelbagai lapis masyarakat sehinggalah kep peringkat pembuat dasar sangat diperlukan. Jaringan kerjasama semua pihak sama ada di peringkat kerajaan dan swasta dari aspek tenaga, dana kewangan, teknologi terkini, kempen kesedaran dan bertanggungjawab akan membugarkan satu sentimen yang kuat untuk memartabatkan tulisan Jawi di persada global. Kesedaran hal ini telahpun ada namun ia perlu dimantapkan lagi dan mengukuhkan jaringan kerjasama agar wujud satu kesepaduan kerjasama dan kesefahaman yang tinggi untuk mempertahankan tulisan tersebut dan mengharungi abad alaf ini. Komitmen yang bersungguh daripada semua pihak akan memberikan satu jaminan kelangsungan tulisan jawi sebagai warisan negara tetap dipertahan meskipun berlakunya perubahan generasi dan perubahan zaman.

#### Rujukan

- Andrew Alexander Simpson (2007). *Language and National Identity in Asia*. Oxford University Press.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2010) "Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu Wilayah Timur Laut", dalam A. Aziz Deraman (penyusun). *Peradaban Melayu Timur Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samri Sainuddin (2003). *TITAS: Tamadun Melayu*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- ([http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/news.php?id=267847&cat=nt](http://www.bernama.com/bernama/state_news/news.php?id=267847&cat=nt)). Capaian pada 20.3.2012).